

PANDUAN PENUBUHAN BADAN PELAJAR

1. Universiti membenarkan penubuhan badan pelajar dengan syarat ahlinya terdiri daripada pelajar-pelajar universiti yang aktif dan objektif penubuhannya boleh membawa kebaikan kepada pembangunan universiti.
2. Syarat Penubuhan Badan Pelajar
 - (a) Penubuhan badan pelajar yang baru perlu mendapat kelulusan Naib Canselor.
 - (b) Penubuhan badan pelajar yang baharu perlu berpandukan **kriteria** berikut:
 - (i) Mencerminkan maruah, prestasi, sumbangan dan kaliber Universiti Utara Malaysia sebagai sebuah Universiti Nasional.
 - (ii) Mempunyai asas-asas yang kukuh dalam keilmuan, kebudimanan dan kebaktian.
 - (iii) Orientasi sikap dan mental untuk membentuk “diri yang boleh berdikari” dan menuju ke arah “*self-actualization*”.
 - (c) Keanggotaan dan sifat badan pelajar perlu memenuhi **ciri-ciri** berikut:
 - (i) Keanggotaan yang terdiri daripada ahli yang berbilang kaum adalah digalakkan.
 - (ii) Keanggotaan mestilah melambangkan integrasi daerah.
 - (iii) Sifat badan pelajar yang berasaskan akademik atau sesuatu disiplin ilmu adalah digalakkan.
3. Larangan Penubuhan Badan Pelajar
 - (a) Penubuhan tidak akan diizinkan atau dimansuhkan bagi badan pelajar yang membawa sifat bertentangan dengan nilai-nilai Universiti termasuk persatuan/kelab yang mempunyai ciri-ciri berikut:-
 - (i) Monopoli Kaum - Keanggotaan dimonopoli oleh sesuatu kaum tertentu sahaja dan lebih bercorak pengasingan kaum.
 - (ii) Kedaerahan/ Kenegerian - Keahlian terbuka kepada anak sesuatu negeri atau daerah sahaja.
 - (iii) Duplikasi – Badan pelajar yang mempunyai pertindihan pada nama atau fokus aktiviti.
 - (iv) Persatuan Bahasa – Badan pelajar yang berteraskan Bahasa ibunda tertentu adalah dilarang kecuali yang berasaskan kepada Persatuan Bahasa Malaysia dan Bahasa-bahasa di bawah Pusat Pengajian.

4. Prosedur Penubuhan Badan Pelajar

- (a) Permohonan boleh dimajukan oleh pelajar yang aktif dalam pengajian atau mana-mana pusat tanggungjawab dalam Universiti.
- (b) Badan pelajar perlu mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) orang ahli.
- (c) Jawatankuasa Penaja perlu dibentuk untuk memikirkan nama dan perlembagaan badan pelajar.
- (d) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Bahagian Pembangunan Pelajar (B2P) dengan mengemukakan dokumen berikut:
 - (i) Kertas kerja permohonan penubuhan badan pelajar.
 - (ii) Draf perlembagaan badan pelajar.
 - (iii) Permohonan penubuhan badan pelajar yang bernaung di bawah organisasi luar perlu disertakan dokumen sokongan daripada organisasi berkaitan.
- (e) Sekurang-kurangnya sepuluh orang pelajar perlu ada untuk memulakan sesebuah badan pelajar yang baharu. Mereka dikenali sebagai Jawatankuasa Penaja.
 - (i) Jawatankuasa penaja yang telah ditubuhkan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan penubuhan badan pelajar.
 - (ii) Jawatankuasa Penaja adalah terikat dengan peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan badan pelajar.
 - (iii) Pembubaran Jawatankuasa Penaja berkuatkuasa sebaik sahaja pemilihan Ahli Jawatankuasa dalam Mesyuarat Agung diadakan.